MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 24
No. 15

**24hb Julai 1980**

*TAMBAHAN No. 49*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 208.**

AKTA SEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (AKTA PERINTAH NAFKAH (KEMUDAHAN BAGI PENGUATKUASAAN) 1949) 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 Akta Semakan Undang-undang 1968, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang dengan kelulusan Jawatankuasa Penyemak Undang-undang membuat Perintah yang berikut: *Akta 1.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-undang (Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949) 1980** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1971. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Jadual kepada Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 adalah dibetulkan dengan menggantikan perkataan-perkataan "Pulau Utara" kepada "Pulau Norfolk" yang terdapat di dalamnya. Pembetulan Akta 34.

Dibuat pada 21hb Jun 1980.
[P.N. (SU. 2) 146; (SU. 2) 39; P.N. (PU²) 231.]

DATUK HASHIM YEOP ABDULLAH SANI,
*Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang,*
*Malaysia*

## REVISION OF LAWS ACT 1968

### REVISION OF LAWS (MAINTENANCE ORDERS (FACILITIES FOR ENFORCEMENT) ACT 1949) ORDER 1980

*Act 1.*

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Revision of Laws Act 1968, the Commissioner of Law Revision, with the approval of the Law Revision Committee, makes the following Order:

Citation and commencement.

1. This Order may be cited as the **Revision of Laws (Maintenance Orders (Facilities for Enforcement) Act 1949) Order 1980** and shall be deemed to have come into force on the 1st July 1971.

Rectification of Act 34.

2. The Schedule to the Maintenance Orders (Facilities for Enforcement) Act 1949, is rectified by substituting the words "Norfolk Island" for the words "North Island" appearing therein.

Made the 21st June 1980.
[P.N. (SU. 2) 146; (SU. 2) 39; P.N. (PU²) 231.]

DATUK HASHIM YEOP ABDULLAH SANI,
*Commissioner of Law Revision, Malaysia*

**P.U. (A) 209.**

## AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968

### PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (AKTA PUNGUTAN RUMAH KE RUMAH DAN DI JALAN 1947) 1980

*Akta 1.*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 Akta Penyemakan Undang-undang 1968, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang, dengan kelulusan Jawatankuasa Penyemakan Undang-undang, membuat Perintah berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-undang (Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947) 1980** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 15hb Februari 1978.

Pembetulan Akta 200.

2. Seksyen 2 (1) Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947, adalah dibetulkan dengan memotong yang berikut daripada takrif "collection"—

> "or money collected by or under the authority of a recognised representative of a religion or religious community for the upkeep of any place of worship or house of prayer or for purely religious purpose".

Dibuat pada 21hb Jun 1980.
[P.N. (SU. 2) 185; P.N. (PU²) 231.]

DATUK HASHIM YEOP ABDULLAH SANI,
*Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang, Malaysia*